

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2005 BERSAMA KUKUM PADA
18 FEBRUARI 2005 BERTEMPAT DI KOLEJ KEDIAMAN KUKUM,
KAMPUNG WAI, KUALA PERLIS, PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

GONG XI FA CHAI, XIN NIAN KUAI LE

YANG BERHORMAT, DATO' CHOR CHEE CHEUNG, PENERUSI BADAN
PERHUBUNGAN MCA NEGERI PERLIS,

YANG BERHORMAT ENCIK BAKAR BIN SAAD, AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI KAWASAN KUALA PERLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDIN, KETUA
PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T DI ATAS LIMPAH KURNIA SERTA KASIH DAN SAYANGNYA YANG TIDAK PERNAH PUTUS-PUTUS MENCURAHKAN REZEKI BUAT KITA SEMUA KHUSUSNYA DI KUKUM DAN NEGARA INI AMNYA. BERKAT KASIH, SAYANG DAN REZEKI YANG DICURAHKAN ITU LAH MENGIZINKAN KITA SEMUA PADA MALAM INI UNTUK BERSAMA-SAMA MERAIKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2005 BERSAMA KUKUM DI KAMPUNG WAI, KUALA PERLIS INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN JUTAAN TERIMA KASIH DAUN KELADI YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA YANG BERHORMAT, DATO' CHOR CHEE CHEUNG, PENERUSI BADAN PERHUBUNGAN MCA NEGERI PERLIS,, KERANA TELAH SUDI HADIR BUAT KALI KEDUA DAN SETERUSNYA MERASMIKAN PROGRAM KITA PADA MALAM INI.

UCAPAN TERIMA KASIH PENUH IKHLAS JUGA DITITIPKAN BUAT YANG BERHORMAT, ENCIK BAKAR BIN SAAD YANG TURUT SUDI MELAPANGKAN MASA, MEMERIAHKAN SUASANA, SAMBUTAN KITA YANG SEAPA ADANYA DAN SEBEGITULAH JUGA UNTUK PARA TETAMU DAN DIF-DIF KEHORMAT YANG LAIN.

DI KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM IAITU PARA MAHASISWA-MAHASISWI KOLEJ KEDIAMAN TUN ABDUL RAZAK DAN KOLEJ KEDIAMAN TUN HUSSEIN ONN YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS BERMESYUWARAH MENYATU IDEA, KERINGAT DAN USAHA DALAM MENZAHIRKAN UPACARA INI BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA.

SAYA PERCAYA TANPA PEMUAFKATAN, SEMANGAT KERJASAMA YANG UTUH DAN DEDIKASI SEJATI PASTI BETAPA BERAT MATA YANG MEMANDANG, RINGANLAH BAHU YANG MENJIJINGNYA. SYABAS DAN TAHINIAH SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2005 BERSAMA KUKUM INI, BUKAN LAH SUATU PERKARA YANG ASING BUAT KITA SEMUA DI UNIVERSITI INI. IA ADALAH SAMBUTAN KALI KE-DUA PERNAH DIADAKAN DI SINI DAN MENJADI BUKTI ZAHIR YANG MENUNJUKKAN BETAPA KUKUM BEGITU PERIHATIN DALAM MEMASTIKAN INTERGRITI NASIONAL DAN PERPADUAN ANTARA KAUM MENJADI AGENDA UTAMANYA. IBARAT KATA YANG BIJAK PANDAI, "TAK KENAL MAKA TAK CINTA", BEGITU LAH JUGA DENGAN BUDAYA DAN KEBUDAYAAN BANGSA.

DENGAN ADANYA SAMBUTAN SEBEGINI, IA SECARA JELAS DAN LANGSUNG MEMBERI PELUANG KEPADA KAUM LAIN UNTUK MENGENALI DENGAN LEBIH DEKAT RAS SERTA BUDAYA MASYARAKAT KAUM TIONGHUA DI NEGARA INI. SAYA PERCAYA MUNGKIN ADA DI ANTARA KITA SEBELUM INI TIDAK PERNAH MENGETAHUI LANGSUNG, KEBUDAYAAN DAN ADAT RESAM KAUM TIONGHUA YANG TELAH LAMA BERAKAR UMBI DI NEGARA INI SEJAK BERABAD-ABAD LAMANYA.

PERSPEKTIF DAN PEMAHAMAN MENGENAI BUDAYA KAUM TIONGHUA DI KALANGAN KITA PASTI BERBEZA KERANA IA BANYAK BERGANTUNG KEPADA SEJAUH MANA INTERAKSI KITA DENGAN MEREKA. APA YANG SAYA KHUATIRI IALAH SIKAP 'ENTHOCENTRISME' IAITU SIKAP TERLALU MENGAGUNG-AGUNGKAN BUDAYA KAUM SENDIRI DAN MENGANGGAP BUDAYA SENDIRI ADALAH YANG TERBAIK.

SIKAP SEBEGINI AKAN MENJADIKAN INDIVIDU TERSEBUT BERSIKAP NEGATIF TERHADAP BUDAYA KAUM LAIN DAN DENGAN TERANG MENOLAK SECARA TOTAL TERHADAP KEBUDAYAAN TERSEBUT WALAUPUN IA BAIK DAN BOLEH DITERIMA-PAKAI UNTUK SEBARANG DISPLIN KEHIDUPAN YANG BISA MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN DIRI, KOMUNITI ATAU ORGANISASI.

SIKAP SEBEGINI AMAT BAHAYA DALAM PROSES PEMBANGUNAN DAN KEHARMONIAN MANA-MANA ORGANISASI SEPERTI KUKUM ATAU DALAM KONTEKS YANG LEBIH BESAR IAITU NEGARA MALAYSIA YANG TERCINTA. DEK KERANA ITU, KUKUM RASA TERPANGGIL UNTUK MEMBERIKAN PERHATIAN DAN PENEKANAN KHUSUS KEPADA SOAL PERPADUAN BAIK DI KALANGAN MAHASISWA-MAHASISWI MAHUPUN PARA WARGA KERJANYA. MAKA RENUNGAN LAH PEPATAH INI, "BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG, BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT".

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DALAM ARUS GLOBALISASI MODEN YANG BERPAKSI KEPADA DUNIA TANPA SEMPADAN, PROSES ASIMILASI BUDAYA MANA-MANA KAUM DI BUMI MANA SEKALIPUN, SEMAKIN TERHAKIS DAN DIGANTI DENGAN BUDAYA BARAT YANG BERTUNJANGKAN KEPADA BUDAYA HEDONISTIK, MATERIAL DAN HIDUP BEBAS TANPA SEBARANG PEGANGAN ATAU IKATAN.

SEDIKIT DEMI SEDIKIT PENGARUH INI TELAH MULA MENULAR DALAM MASYARAKAT KITA SENDIRI DAN NATIJAHNYA TELAH TERBUKTI DENGAN KES-KES KERUNTUHAN AKHLAK SEPERTI GEJALA PENAGIHAN DADAH, PEMBUANGAN BAYI, MASALAH BOHSIA, LARI DARI RUMAH,

JENAYAH DI KALANGAN REMAJA SERING DILAPORKAN DI DADA-DADA AKHBAR. GOLONGAN YANG MENJADI SASARAN PULA SUDAH TENTU GOLONGAN AWAL REMAJA DAN LEWAT REMAJA.

SEBAGAI SEORANG MANUSIA YANG BERGELAR SUAMI, AYAH DAN REKTOR, SAYA AMAT RISAU JIKA BUDAYA KUNING INI MERESAP MASUK KE DALAM DIRI MAHASISWA-MAHASISWI TERUTAMANYA MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG SAYA ANGGAP BAGAIKAN ANAK-ANAK SENDIRI. GOLONGAN REMAJA INI JIKA TIDAK DIDIDK DAN DIBERI ASAS AGAMA DAN PENEKANAN TERHADAP JATIDIRI BANGSA YANG KUAT AKAN MUDAH TERPENGARUH DAN HILANG IDENTITINYA. JIKA INI TERUS BERLAKU MAKA NEGARA KITA AKAN KEHILANGAN ASET YANG AMAT BERTERHARGA. NA'UZUBILLAH.

SECARA JUJUR, SAYA AMAT BERBANGGA DENGAN PENGANJURAN MAJLIS INI KERANA IA SECARA LANGSUNG MEMBUKTIKAN BETAPA MAHASISWA-MAHASISWI BERKETURUNAN CINA DI UNIVERSITI SEMUDA INI MEMPUNYAI RASA TANGGUNG JAWAB DAN SIKAP PERIHATIN UNTUK TERUS MENGEKALKAN BUDAYA MEREKA WALAUPUN DALAM MENONGKAH ARUS PEMODENAN YANG SEMAKIN HEBAT TEKANANNYA.

JIKA ANDA SEMUA SEBAGAI GOLONGAN PELAPIS DAN PEWARIS KEPADA BUDAYA DAN KEBUDAYAAN SENDIRI TIDAK MENGENDAHKAN UNTUK TERUS MENGEKALKAN IA, MAKA BAYANGKAN LAH NANTI APA YANG AKAN TERJADI DALAM MASA 10 ATAU 20 TAHUN YANG AKAN DATANG.

SUDAH PASTI, GENERASI MUDA PADA MASA ITU SUDAH TIDAK LAGI MENGENALI TARIAN SINGA, CHAP GOH MEI, ANG POW, KUIH BULAN DAN SEBAGAINYA KERANA ANDA SEBAGAI BAPA, IBU, ABANG, KAKAK ATAU SAUDARA MARA MEREKA SUDAH LUPA ATAU TIDAK TAHU LANGSUNG TENTANG BUDAYA DAN KEBUDAYAAN SENDIRI. BERPEGANG LAH

KEPADA PEPATAH, TAK LAPUK DEK HUJAN DAN TAK LEKANG DEK PANAS, PASTI HARTA TINGGALAN NENEK MOYANG YANG PALING BERHARGA TERSEBUT AKAN TERUS SUBUR MELANGKAUI MASA DAN ZAMAN.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA DATO' CHOR CHEE CHEUNG DAN Y.B ENCIK BAKAR SAAD DAN DIF-DIF KEHORMAT LAIN YANG TELAH SUDI MELAPANGKAN MASA, MENGHADIRKAN DIRI KE SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2005 BERSAMA KUKUM INI.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM KERANA GARAPAN IDEA DALAM MERENCANA DAN MELANGSUNG KERJA BAGI MENZAHIRKAN PROGRAM YANG SUDAH PASTI MENINGGALKAN KENANGAN YANG CUKUP MANIS BUAT KITA SEMUA. SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.